

**ANTARA FAKTA DAN REALITI: SATU TINJAUAN BERHUBUNG  
PENGLIBATAN DAN PENCAPAIAN KERAJAAN NEGERI SABAH  
DALAM INDUSTRI PERIKANAN SETELAH MENYERTAI  
PERSEKUTUAN MALAYSIA SEMENJAK TAHUN 1963<sup>1</sup>**

*Ismail Ali*


**PENDAHULUAN**

Negeri Sabah yang dahulunya lebih dikenali sebagai Borneo Utara [*North Borneo*] sebelum tahun 1963<sup>2</sup> dan pernah mendapat jolokan sebagai "*Land Below The Wind*" [Negeri di bawah Bayu] oleh orang-orang Eropah merupakan sebuah negeri dalam Malaysia yang begitu kaya dengan khazanah lautnya. Daripada segi geografinya, Negeri Sabah [76,082 km persegi] mempunyai kawasan perairan seluas 200,000 batu nautika dan garis pantai seluas kira-kira 1,600 kilometer atau 900 nautika persegi. Berdasarkan kepada kajian yang dijalankan oleh Jabatan Perikanan Negeri Sabah menganggarkan kawasan perairan Negeri Sabah mempunyai kira-kira 252,000 tan metrik sumber marin yang mempunyai nilai pasaran domestik dan antarabangsa. Rajah 1 menunjukkan taburan kawasan-kawasan perairan utama penangkapan ikan di Negeri Sabah.

Jika ditinjau dari sudut sejarah, industri perikanan telah mula diusahakan secara komersil seawal pemerintahan Kesultanan Sulu lagi iaitu sekitar tahun 1750.<sup>3</sup> Di bawah pemerintahan Kesultanan Sulu, industri perikanan bukan sahaja berjaya dikomersilkan ke pasaran antarabangsa tetapi pada masa yang sama juga telah berjaya membawa Kesultanan Sulu ke persada kegemilangan iaitu sebagai sebuah kuasa ekonomi dan politik yang disegani di rantau Kepulauan Melayu. Sejarah keagungan industri perikanan tersebut mula berubah apabila Negeri Sabah ditadbir oleh British North Borneo Chartered Company antara tahun 1881-1941, tentera Jepun antara tahun 1942-1945 dan Kerajaan British antara tahun 1946-1963.

Di bawah pentadbiran BNBC, Jepun dan British, industri perikanan hanya dijadikan sebagai "ekonomi pinggiran" sahaja dan diuruskendalikan oleh golongan pemodal untuk membekalkan sumber protein yang murah kepada buruh-buruh di epis perladangan, pembalakan, perhutanan dan perlombongan. Apabila Negeri Sabah mencapai kemerdekaan melalui pembentukan Persekutuan Malaysia pada tahun 1963, industri perikanan tidak lagi dilihat sebagai ekonomi pinggiran tetapi sama tarafnya dengan lain-lain sektor ekonomi yang ada di Negeri Sabah. Ini dapat dibuktikan apabila Kerajaan Negeri Sabah dan agensinya sendiri telah melibatkan diri sepenuhnya dalam pembangunan industri perikanan untuk memenuhi tanggungjawab social dan ekonomi.

Rajah 1: Taburan Kawasan Menangkap Ikan Utama di Perairan Negeri Sabah



Sumber: Edward Rooney Busing, 1995. "Status of the Coastal Fisheries Resources of Sabah, Malaysia", *Prosiding, Seminar on Sustainable Development of Fisheries Resources in Malaysia*, anjuran Konrad Adenauer Foundation dan Institute for Development Studies [Sabah, Kota Kinabalu, 12-13 September, hal.32.

## PEMBANGUNAN INDUSTRI PERIKANAN SELEPAS TAHUN 1963

Data-data yang dikeluarkan oleh Jabatan Perikanan Sabah melalui Buku perangkaan Tahunan Perikanan Negeri Sabah [1963-2000] menunjukkan bahawa industri perikanan di negeri ini telah berkembang dari tahun ke tahun. Ini dapat difahami melalui petun-tunjuk asas dalam industri perikanan seperti bilangan nelayan sepenuh masa, bilangan bot menangkap ikan, jumlah pendaratan ikan tahunan, pengeluaran air batu, jumlah eksport dan lain-lain lagi.

Berdasarkan kepada Buku Perangkaan Tahunan Perikanan Negeri Sabah menunjukkan bahawa bilangan nelayan sepenuh masa telah meningkat daripada 12,872 orang pada tahun 1979 kepada 20,845 orang nelayan pada tahun 2000.<sup>4</sup> Sementara itu, bilangan bot menangkap ikan di Negeri Sabah juga mencatatkan peningkatan yang begitu ketara sekali iaitu daripada 5235 pada tahun 1963 kepada 10,456 buah pada tahun 2000 seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 1. Pembangunan industri perikanan di Negeri Sabah selepas tahun 1963 juga memperlihatkan peningkatan dalam penggunaan bot pukat tunda ikan dan udang kerana kemampuan teknologi tersebut untuk mendaratkan secara komersil berbanding dengan lain-lain teknologi menangkap ikan seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 2 dan Jadual 3 pula menunjukkan aggaran jumlah pendaratan tahunan hasil perikanan Negeri Sabah antara tahun 1970 hingga 2000.

Berdasarkan kepada jadual tersebut menunjukkan bahawa Negeri Sabah telah mendaratkan kira-kira 27,000.00 tan ikan pada tahun 1970 dan angka ini telah meningkat kepada 202,000.9 tan pada tahun 2000. Kepesatan pembangunan industri perikanan secara langsung juga telah mewujudkan kilang-kilang air batu di seluruh

**Jadual 1: Anggaran Bilangan Bot Menangkap Ikan di Sabah 1963-2000**

Tahun	Dengan Injin		Tidak Berinjin	Jumlah Bot
	Injin Dalam	Injin Sangkut		
1963	586	1800	2849	5235
1964	700	2200	1388	4288
1965	875	2000	440	3315
1966	1053	1800	72	2925
1967	1151	1900	296	3347
1968	1218	2100	771	4089
1969	1310	2200	300	3810
1970	1400	2320	300	4020
1971	1430	2500	150	4080
1972	1470	2495	200	4165
1973	1253	2548	497	4298
1974	1253	2545	500	4298
1975	1131	2705	400	4236
1976	1250	2500	300	4050
1978	1474	1753	856	4083
1979	1758	2077	784	4619
1980	2204	2413	930	5549
1981	2230	2670	900	5800
1982	2300	2800	800	5900
1982	2400	3000	650	6050
1983	2550	3150	600	6300
1984	2600	3300	600	6500
1985	2700	3330	600	6630
1986	3000	5000	900	8900
1987	3196	4930	900	9026
1988	3300	4900	800	9000
1989	3400	5000	800	9200
1990	3400	5000	800	9200
1991	4272	2986	1440	6562
1992	2336	4278	1714	8328
1993	2393	4336	1756	8485
1994	2608	3939	2597	9144
1995	2608	3939	2597	9144
1996	3214	4065	2557	9836
1997	3214	4065	2557	9836
1998	3279	4653	2524	10,456
1999	3279	4653	2524	10,456
2000	3279	4653	2524	10,456

Sumber: Data-data disusun semula daripada *Laporan Tahunan Jabatan Perikanan Sabah, 1963-2000*.

**Jadual 2: Bilangan Bot Pukat Tunda Berlesen di Sabah 1970-2000**

<b>Tahun</b>	<b>P. Barat</b>	<b>Sandakan</b>	<b>Tawau</b>	<b>Jumlah</b>
1970	32	237	25	294
1971	30	242	29	301
1972	33	241	60	334
1973	34	230	60	333
1974	53	218	88	359
1975	48	203	71	322
1976	67	217	76	360
1977	171	237	117	526
1978	208	227	101	536
1979	253	211	130	594
1980	227	190	99	516
1981	337	193	90	620
1982	197	166	81	444
1983	295	442	52	789
1984	273	555	80	908
1985	342	647	65	1054
1986	262	535	59	856
1987	306	689	105	1100
1988	311	557	104	972
1989	230	600	116	1036
1990	298	463	94	855
1991	258	462	90	810
1992	257	474	79	810
1993	152	734	147	1033
1994	196	608	84	1894
1995	274	448	115	837
1996	191	683	91	965
1997	191	683	91	965
1998	249	683	110	1042
1999	301	618	114	1033
2000	5,947	12,693	2,623	22,498

Sumber: Data-data disusun semula daripada *Laporan Tahunan Jabatan Perikanan Sabah, 1966-1990*.

**Jadual 3: Anggaran Pendaratan Ikan Laut di Sabah 1970-2000**

<b>Tahun</b>	<b>Anggaran Tangkapan ['000 Tan]</b>	<b>Nilai [Juta RM]</b>
1970	27.0	27.700
1971	27.6	32.000
1972	28.0	35.800
1973	32.0	42.000
1974	33.1	46.200
1975	33.5	56.600
1976	31.7	61.600
1977	36.2	86.400
1978	41.6	107.10
1979	41.9	119.60
1980	34.5	106.40
1981	40.0	126.00
1982	42.0	143.00
1983	75.50	156,900
1984	80.20	166,300
1985	78.60	157,750
1986	79.10	169,000
1987	78.80	194,100
1988	96.20	183,300
1989	94.0	180,500
1990	98.4	199,700
1991	108.4	300,906
1992	136.3	309,946
1993	155.1	343,581
1994	160.3	398,959
1995	166.5	460,992
1996	180.1	503,880
1997	174.3	569,163
1998	196.2	660,079
1999	207.7	698,315
2000	202.9	729,367

Sumber: Data-data disusun semula daripada *Laporan Tahunan Jabatan Perikanan Sabah, 1966-2000*.

Bandar dan daerah di Negeri Sabah. Air batu merupakan salah satu komponen terpenting dalam industri perikanan yang bertujuan untuk mengekalkan kesegaran ikan-ikan. Bahkan adalah tidak keterlaluan untuk diperkatkan bahawa air batu merupakan “jantung” kepada kejayaan pembangunan industri perikanan. Jadual 4. menunjukkan kapasiti pengeluaran air batu dan kemudahan bilik sejuk di Negeri Sabah antara tahun 1969-2000.

Pembangunan industri hiliran berasaskan perikanan di bawah pentadbiran Kerajaan Negeri Sabah selepas tahun 1963 juga memperlihatkan kepentingan hasil-hasil pertanian khususnya udang dan ikan tuna sebagai komoditi eksport dan penyumbang pertukaran wang asing kepada Negeri Sabah. Sebagai contoh, lebih daripada separuh jumlah pendapatan yang diperolehi oleh kerajaan dalam industri perikanan disumbangkan oleh komoditi udang dalam bentuk dingin dan beku. Pada masa yang sama, harga komoditi udang di pasaran antarabangsa secara relatifnya adalah lebih stabil berbanding harga produk-produk berasaskan perikanan yang lain.

“Prawn exports have always been an important component of Sabah’s export trade in fish. In fact this has contributed not less than half of the total export value yearly. Indeed Sabah gained its status as a reputable seafood exporter on the quality of its prawn exports. In 1992, prawns exports amounted to 7,773 MT and accounted for more than 50% [about RM 75 million] of the wholesale export value.”<sup>5</sup>

Selain udang, produk berasaskan ikan tuna juga turut memainkan peranan yang penting sebagai komoditi eksport pada tahun 1980-an terutamanya untuk memenuhi pasaran negara Jepun. Antara kawasan perairan utama penangkapan tuna [epis skipjack and yellow fin] termasuklah kawasan perairan Sandakan, Semporna, Lahad Datu dan Kudat.

“It is generally known that the deep sea water off Sabah’s coasts has great potential for tuna fishing. There are confirmed reports of sizeable landings of bigeye and yellowfin tunas in waters off Semporna and the west coast of Sabah using hooked gears. The high-priced fish are used for sushi and sahsimi of which the biggest market beckons from Japan. For example, the 1997 demand in Japan for sahsimi tuna was in the region of 470,000 mt. Here is local potential to exploit the specialty sashimi tuna market in Japan.”<sup>6</sup>

Aktiviti pemasaran produk-produk berasaskan perikanan di bawah pengurusan SAFMA juga tidak hanya dibataskan kepada produk-produk berasaskan segar, dingin, beku, bergaram, salai, kering dan udang sahaja tetapi pada masa yang sama juga memperkenalkan produk-produk baru, mempelbagaikan dan memberi nilai tambah kepada produk-produk yang sedia ada, meningkatkan jumlah pengeluaran produk-produk dan sebagainya. Antaranya produk-produk baru yang berasaskan pemprosesan dan dipasarkan oleh SAFMA dan syarikat-syarikat swasta termasuklah *livers and roes* [segar, sejuk, salai, bergaram dan ari garam], *fish fillets* [beku, sejuk dan segar], *fish preserved, flours, meals and breaded shrimp, surimi and other*

Jadual 4: Pengeluaran Air Batu dan Kemudahan Bilik Sejuk di Sabah 1969-2000

Tahun	Bil. Kilang	Kapasiti Pengeluaran Ais [Tan/Hari]	Kapasiti Muatan Ais [Tan]	Bil. Bilik Sejuk	Kapasiti Muatan Ikan [Tan Metrik]
1969	t.d.	92.00	662.00	t.d.	t.d.
1970	t.d.	118.1	912.50	t.d.	t.d.
1971	t.d.	118.1	912.50	t.d.	t.d.
1972	t.d.	105.8	1,051.5	t.d.	t.d.
1973	t.d.	110.2	1,043.5	t.d.	t.d.
1974	t.d.	110.2	1,043.5	t.d.	t.d.
1975	t.d.	112.1	1,055.7	t.d.	t.d.
1976	t.d.	128.9	1,202.7	t.d.	t.d.
1977	t.d.	150.2	1,263.5	t.d.	t.d.
1978	t.d.	194.3	1,431.9	t.d.	t.d.
1979	t.d.	197.4	1,431.9	t.d.	t.d.
1980	t.d.	217.6	1,791.9	t.d.	t.d.
1981	t.d.	232.8	1,815.5	t.d.	t.d.
1982	t.d.	263.7	1,587.5	t.d.	t.d.
1983	t.d.	319.5	1,642.7	t.d.	t.d.
1984	t.d.	315.9	1,885.6	t.d.	t.d.
1985	t.d.	315.7	2,156.4	t.d.	t.d.
1986	t.d.	315.7	2,156.4	t.d.	t.d.
1987	t.d.	300.7	2,036.4	t.d.	t.d.
1988	t.d.	306.5	2,291.1	t.d.	t.d.
1989	t.d.	311.5	1,070.3	t.d.	t.d.
1990	t.d.	327.9	1,028.2	t.d.	t.d.
1991	t.d.	331.70	1229.50	t.d.	2477.40
1992	45	473.93	1290.00	t.d.	3,015.50
1993	45	453.18	1530.41	t.d.	2,872.90
1994	51	640.76	1552.66	117	2666.50
1995	51	614.02	1789.88	127	2127.70
1996	51	673.82	1265.82	144	2677.70
1997	51	581.16	1453.00	118	2662.00
1998	58	599.00	1488.00	146	5697.00
1999	56	574.00	1474.00	121	3000.00
2000	58	650.00	1651.00	126	3,071.00
<b>Jumlah</b>	<b>66</b>	<b>10,156.37</b>	<b>41,197.47</b>	<b>799</b>	<b>30,267.7</b>

Sumber: Data-data disusun semula daripada Laporan Tahunan Jabatan Perikanan Sabah, 1966-2000

Nota: t.d. bermaksud tidak diperolehi.

*products* yang berkonsepkan makanan laut dan mempunyai nilai tambah. Jadual 5 menunjukkan contoh senarai produk-produk eksport berasaskan perikanan Negeri Sabah.

Pada masa kini, kebanyakan produk-produk perikanan yang dihasilkan di Negeri Sabah dieksport ke Brunei, Jepun, Hong Kong, Taiwan, Eropah, Australia dan Amerika Syarikat termasuk Semenanjung Malaysia dan Sarawak. Selain dieksport, produk-produk perikanan ini juga turut dipasarkan seperti ke restoran makanan laut, hotel, pasaraya, premis-premis makanan laut termasuk premis makanan laut yang terdapat di lapangan terbang di Negeri Sabah. Rajah 2 dan 3 menunjukkan jumlah dan nilai eksport produk-produk perikanan Negeri Sabah antara tahun 1963 hingga tahun 2000. Berdasarkan kepada rajah tersebut menunjukkan bahawa jumlah dan nilai eksport produk-produk perikanan dalam jangkamasa tersebut telah mencatatkan peningkatan iaitu daripada 1667 tan [RM 2,511,87 juta] pada tahun 1963 kepada 36,002 [RM383,368,00 juta] pada tahun 2000.

Selain untuk pasaran eksport, produk-produk yang berasaskan *fresh consumption* dan produk-produk tradisional juga dipasarkan di seluruh Negeri Sabah. Biasanya produk-produk berasaskan penggunaan segar seperti ikan dalam bentuk segar atau dingin; *mollusks* dan *aquatic invertebrates*; ikan beku; *fish fillets* dan *crustaceans* juga dipasarkan di premis-premis makanan laut, hotel, restoran makanan laut dan pasaraya-pasaraya di seluruh bandar atau daerah di Negeri Sabah. Sementara itu, produk-produk lain seperti ikan kering, masin dan jeruk seperti ikan masin, ikan kering dan udang kering, ikan bilis kering, bubuk kering, cencaluk, belacan dan sebagainya yang mempunyai jangka hayat yang tahan lama pula dipasarkan di kawasan-kawasan pedalaman terutamanya sumber protein buruh-buruh yang bekerja di sektor perladangan atau estet pembalakan. Selain itu, produk-produk tersebut juga seringkali dipasarkan sewaktu pasar tamu di seluruh Negeri Sabah.

## **PENGLIBATAN KERAJAAN DAN AGENSINYA DALAM INDUSTRI PERIKANAN**

Sepertimana yang telah diperjelaskan sebelum ini, pembangunan industri perikanan di Negeri Sabah selepas mencapai kemerdekaan pada tahun 1963 telah memperlihatkan komitmen dan campurtangan sepenuhnya pihak kerajaan untuk memenuhi tanggungjawab ekonomi dan social kepada komuniti nelayan dan pada masa yang sama menjadi salah satu punca pendapatan kepada Kerajaan Negeri Sabah. Untuk mencapai fungsi ekonomi dan social kepada komuniti nelayan, Kerajaan Negeri Sabah dan agensinya telah melancarkan beberapa skim seperti "Fisheries Development Scheme", "Skim Bantuan Pinjaman dan Subsidi" dan "Skim Sewa-Beli".<sup>7</sup>

Ini bertujuan untuk membekalkan perkakas dan teknologi menangkap ikan kepada nelayan-nelayan tempatan yang layak menerima bantuan di seluruh Negeri Sabah. Adalah menjadi harapan Kerajaan Negeri Sabah dan agensinya bahawa skim tersebut akan meningkatkan hasil tangkapan ikan nelayan sekaligus memperbaiki taraf sosio-ekonomi komuniti nelayan yang dikenalpasti sebagai golongan termiskin




Jadual 5: Senarai Produk-Produk Perikanan yang Dieksport ke Luar Negara

S.I.T.C. Kod Komoditi	Senarai Sub Produk-Produk Perikanan
<b>Marine Life Fish [Cage]</b>	
034 111 900	Other ornamental fish, o/t fry, alive
034 113 900	Eels, [Anguilla spp.] other than fry alive
034 119 000	Other live fish, o/t Trout, Eels or carp
034 139 000	Other flat fish, excluding livers and roes, fresh or chilled
034 149 000	Others tunas excluding livers and roes, fresh or chilled
034 189 000	Others fish, excluding liver and roes, fresh or chilled
034 211 000	Pacific Salmon excluding livers and roes frozen
034 211 000	Halibut excluding livers and roes, frozen
034 223 000	Sole (Soleq spp.) excluding livers and roes, frozen
034 232 000	Yellow fin tunas excluding livers and roes, frozen
034 233 000	Skipjack or striped-bellied Bonito excluding livers and roes, frozen.
034 249 000	Sardines, excluding livers and roes, frozen
034 283 000	Dogfish and other sharks, excluding livers and roes, frozen
034 284 000	Eels (Anguilla spp.) excluding livers and roes, frozen
034 285 000	Sea bass, excluding livers and roes, frozen
034 289 000	Other fish, excluding livers and roes, frozen
<b>Fish Fillets, Fresh or Chilled &amp; Other Fish Meat, Fresh, Chilled or Frozen</b>	
034 510 000	Fish Fillets, fresh or chilled
034 550 000	Other fish meat (whether or not minced), fresh, chilled or frozen.
<b>Fish, Dried, Salted or In Brine But Not Smoked</b>	
035 130 100	Ikan Bilis, dried whether or not salted but not smoked.
035 130 200	Fishmaws. Dried, whether or not salted but not smoked.
035 130 300	Shark fin, dried whether or not salted but not smoked.
035 130 910	Other marine fish, dried, whether or not salted but not smoked.
<b>Fish Salted But Not Dried Or Smoked &amp; Fish In Brine</b>	
035 299 200	Shark's fin, salted but not dried, or smoked and in brine.
035 299 910	Other marine fish, salted but not dried or smoked and in brine.
<b>Fish Livers &amp; Roes, Dried, salted or in Brine of other marine fish</b>	
035 400 320	Livers and roes, dried, salted or in Brine of other marine fish.
<b>Crustaceans, Frozen</b>	
036 110 000	Shrimps and prawns, fit for human Consumption, frozen
036 191 000	Rock Lobster and other sea crawfish frozen.
036 192 000	Lobsters (Homarus spp.), frozen.
036 193 000	Crabs, Frozen.
036 199 000	Other Crustaceans, frozen, including, flours, meals and pellets of crustaceans fit for human consumption.
<b>Crustaceans Other Than Frozen</b>	
036 310 000	Rock Lobster and other sea crawfish not frozen.
036 202 900	Lobsters, o/t in shell, not frozen.
036 203 190	Shrimps, o/t in shell, not frozen.
036 203 910/036 223 910	Shrimps and prawn, o/t in shell, fresh or fruit Chilled.
036 209 900	Other crustaceans, o/t in shell, not frozen, including, flours, meals, pellets of crustacean, fit for human consumption.
<b>Molluscs, Aquatic Interbrates Fresh, Chilled, Frozen, Dried, Salted Or In Brine</b>	
036 310 000	Oysters live, fresh or chilled.
036 331 000	Cuttlefish and squid, live, fresh and frozen.
036 332 000	Octopus live, fresh or chilled
036 351 900	Scallops, live, fresh and chilled.
036 353 110	Bech-de-mer (trepang), live, fresh or chilled.
036 353 190	Other aquatic invertebrates, o/t crustacean and mollusks, live, fresh or chilled.
036 353 900	Other mollusks including flours, mela and pellets or aquatic invertebrates o/t crustacean, fit for human consumption live, fresh or chilled.
036 371 100	Cuttle fish and squid, frozen.
036 371 200	Cuttle fish and squid, dried, salted or in brine
036 371 900	Cuttle fish and squid, o/t dried, salted or in brine.
036 372 100	Octopus frozen.
036 391 100	Scallops, frozen.
036 392 100	Mussels, frozen.
036 393 110	Beche-de-mer (Trepang) Fit for human Consumption.
036 399 190	Other aquatic invertebrates o/t crustaceans and mollusks, o/t Beche-de-mer (Trepang) fit for human consumption.
036 399 900	Other aquatic invertebrates o/t crustaceans and mollusks.
<b>Fish, prepared or preserved, N.E.S Caviar &amp; caviar Substitutes Prepared From Fish Eggs.</b>	
037 122 110	Sardines, whole or in pieces, but not minced, in airtight containers.
037 122 910	Sardinella and brisling or sparts, whole or in pieces, but not minced, in airtight containers.
037 130 110	Tunas, whole or in pieces, but not minced, in airtight containers.
037 151 100	Achovies, whole or in pieces, but in minced, in airtight containers.
037 160 920	Fish paste and similar preparations.
<b>Crustaceans, Mollusks &amp; other Aquatic Invertebrates prepared or Preserved N.E.S</b>	
037 212 100	Shrimps and prawn in airtight, containers, prepared or preserved.
037 212 900	Shrimps and prawn, o/t in airtight container.
<b>Flours, meals and pellets, of fish or of Crustaceans, Mollusks or Other Aquatic Invertebrates, Unfit For Human Consumption.</b>	
081 420 100	Flours, meals and pellets, of fish meals, unfit for human consumption.
081 420 900	Other flours, meal and pellets, of other aquatic invertebrates unfit for human consumption.
<b>Miscellaneous</b>	
017 100 100	Extracts and juices meat or fish extracts.
098 490 200	Belacan
291 150 000	Corals and shells, unworked powder and waste thereof.
291 990 000	Other animal products and products of fish, crustaceans, mollusks or aquatic invertebrates, unfit for human consumption.
292 970 000	Seaweed and other algae.

Sumber: Data-data disusun semula daripada Laporan Tahunan Jabatan Perikanan Sabah, 1990-2000.


**Rajah 2: Kuantiti Eksport Komoditi Perikanan Negeri Sabah Mengikut Negara Asal/  
Destinasi Tahun 2000**



Nota: Kuantiti dalam Tan Metrik (Quantity in Tonne Metrick)

Sumber: Jabatan Perikanan Sabah, 2000. *Perangkaan Tahunan Perikanan 2000*. Kota Kinabalu, hal. 15.

**Rajah 3: Nilai Eksport Komoditi Perikanan Negeri Sabah Mengikut Negara Asal/  
Destinasi Tahun 2000**



Nota: Nilai dalam RM'000 (Value in RM'000)

Sumber: Jabatan Perikanan Sabah, 2000. *Perangkaan Tahunan Perikanan 2000*. Kota Kinabalu, hal.14

di negeri ini. Selain dari itu, Kerajaan Negeri Sabah juga turut menghulurkan pelbagai bentuk bantuan kepada nelayan melalui projek akuakultur seperti membekalkan benih-benih ikan dan rumpai laut, khidmat nasihat dan sebagainya.

Sebagai langkah awal untuk melaksanakan program tersebut, Jabatan Perikanan Sabah telah melancarkan "Fisheries Development Scheme" pada tahun 1965. Melalui skim tersebut, Jabatan Perikanan Negeri Sabah telah membekalkan perkakas dan peralatan menangkap ikan kepada nelayan secara percuma dengan syarat mereka hendaklah terdiri daripada nelayan bumiputera sepenuh masa yang mempunyai pengalaman sekurang-kurangnya tiga tahun dalam bidang perikanan. Jadual 6 menunjukkan perkakas yang digunakan untuk menghasilkan teknologi menangkap ikan dan Jadual 7 pula menunjukkan bilangan injin bot perikanan dan perkakas menangkap ikan yang diserahkan secara subsidi kepada nelayan oleh Jabatan Perikanan Sabah antara tahun 1965 hingga 1973.

Dengan bantuan yang telah dihulurkan tersebut dengan jelas membayangkan bahawa Jabatan Perikanan Sabah yang cuba untuk menggalakan nelayan pesisir pantai menceburkan diri dalam perikanan laut dalam. Adalah menjadi harapan jabatan Perikanan Sabah agar nelayan pesisir pantai mampu bersaing dan setanding dengan pemodal yang telah lama berkecimpung dalam industri perikanan di Negeri Sabah. Program tersebut telah berjaya menarik minat nelayan pesisir pantai yang kebanyakannya tidak mempunyai pengalaman dan latarbelakang yang kukuh dalam penggunaan bot pukut tunda.

Akibatnya, kebanyakan nelayan yang menyertai program tersebut telah mengalami kegagalan dan telah menyewakan atau menjual sahaja bot pukut tunda mereka kepada pemodal-pemodal Cina dan pendatang asing. Fenomena ini telah menyebabkan Jabatan Perikanan Sabah memberhentikan program bantuan subsidi tersebut pada tahun 1974 terutamanya apabila Jabatan Perikanan Sabah sendoiri menghadapi krisis kewangan.<sup>8</sup> Walau bagaimanapun, program tersebut telah disambung semula pada tahun 1977 apabila Jabatan Perikanan Sabah mendapat peruntukan kewangan daripada Kerajaan Persekutuan bernilai RM 1,000,000.00.

Lapan tahun kemudian iaitu pada tahun 1985, program subsidi tersebut telah diberhentikan sepenuhnya kerana gagal mencapai objektifnya. Selain dari itu, kegagalan "Fisheries Development Scheme" yang hanya melahirkan masyarakat "nelayan subsidi" telah menyedarkan kerajaan Sabah bahawa sudah tiba masanya bagi kaum nelayan untuk berdikari sendiri tanpa mengharapkan bantuan sepenuhnya daripada kerajaan.<sup>9</sup> Pada tahun 1978, kerajaan Negeri Sabah telah menubuhkan korporasi Serbaguna Nelayan Sabah Berhad [Ko-Nelayan] di bawah ordinan Syarikat Kerjasama Negeri Sabah dan dibubarkan semula pada tahun 1981 untuk digantikan dengan sebuah badan berkanun yang dikenali sebagai Kemajuan Perikanan dan Nelayan Sabah [*Sabah Fisheries and Fishermens Development Corporation*] atau ringkasnya KO-NELAYAN di bawah Enakmen No. 4/81.<sup>10</sup> Berbeza dengan tujuan penubuhan Syarikat Kerjasama Perikanan Jayadiri, penubuhan KO-NELAYAN adalah bertujuan untuk membangunkan sector perikanan dari semua aspek di seluruh Negeri Sabah.

**Jadual 6: Bilangan Perkakas Menangkap Ikan Secara Subsidi Jabatan Perikanan Sabah Tahun 1965-1973**

Jenis Peralatan	Tahun dan Kuantiti				
	1966	1967	1968	1969	1970
Multifilament nylon netting	338	1750	347	245	26
Monofilament nylon net	373	123	40	20	0
Kuralon moji netting	361	0	36	30	0
Gulvabized wire netting	0	0	11	0	0
Polyethylene ropes	0	24	49	0	0
Lead sinkers	0	11	5	0	0
Plastic floats	116,310	20,000	30	0	0
Polyethylene beach seine	2	0	0	0	0
Kuralon cast net material	204	0	0	0	0
Nylon fishing lines	260	3978	0	0	0
Artificial baited hook	700	3440	0	0	0
Kuralon twines and ropes	0	795	0	0	0
Kuralon and polyethylene	0	0	0	0	0
Twines and ropes	0	0	0	0	0
Trawl and Ropes	0	0	0	0	0
Trawl net (various size)	0	1030	0	17	9
Otter boards (various size)	0	0	0	11	9
<b>Jumlah</b>	<b>118, 548</b>	<b>31,151</b>	<b>518</b>	<b>323</b>	<b>44</b>

Sumber: Data-data disusun semula daripada *Laporan Tahunan Jabatan Perikanan Sabah, 1966-1973*.

**Jadual 7: Bilangan Injin Bot Perikanan dan Perkakas Menangkap Ikan Yang Diserahkan [Subsidi] Kepada Nelayan oleh Jabatan Perikanan Sabah**

Tahun	Injin Dalam	Injin Sangkut	Lain-lain Perkara
1965	20	84	0
1966	119	308	0
1967	25	32	0
1968	105	95	0
1969	117	248	0
1970	87	123	0
1971	13	187	4
1972	41	420	156
1973	6	1	0
<b>Jumlah</b>	<b>533</b>	<b>1498</b>	<b>160</b>

Sumber: Data-data disusun daripada *Laporan Tahunan Jabatan Perikanan Sabah, 1965-1973*.

Program pembangunan perusahaan perikanan selepas tahun 1981 tidak lagi berbentuk subsidi sepenuhnya tetapi diubahsuai kepada bentuk pinjaman yang dikenali sebagai "Skim Bantuan Pinjaman dan Subsidi" dan "Skim Sewa Beli".<sup>11</sup> Di bawah skim ini, Kerajaan Negeri Sabah telah meluluskan 4,606 pinjaman yang berjumlah kira-kira RM18,161,952.38 kepada nelayan untuk membiayai pembelian pukat [4,269], bot gentian kaca [8], injin dalam [253] dan bot pukat tunda [66]. Sebagai langkah permulaan, pihak KO-NELAYAN telah melancarkan "Skim Bantuan Pinjaman dan Subsidi" yang bertujuan untuk membantu kaum nelayan pesisir pantai untuk mendapatkan pinjaman bagi membeli perkakas dan peralatan menangkap ikan moden seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 8 dengan kadar faedah yang rendah iaitu sebanyak 6% setahun dan dijelaskan secara ansuran bulanan.

**Jadual 8: Bilangan Perkakas Mengikut Daerah di Bawah Skim Bantuan Pinjaman dan Subsidi**

Daerah	Pukat Tunda	Bot Kaca Gentian	Injin Dalam	Pukat	Nilai [RM]
K. Kinabalu	26	3	87	410	3,989,887
Kota Belud	4	5	15	742	1,908,758
Papar	2	0	4	261	846,457
Tuaran	2	0	4	1134	2,379,746
Kudat	8	0	72	293	2,411,077
Sandakan	10	0	31	918	2,863,203
Tawau	4	0	4	7	534,335
Semporna	5	3	7	32	639,758
Lahad Datu	0	0	2	0	42,145
Labuan	2	3	3	32	795,754
K. Penyu	3	5	15	62	563,223
Beaufort	3	0	0	31	438,728
Sipitang	0	0	8	122	240,683
Membakut	0	2	0	231	511,169
<b>Jumlah</b>	<b>69</b>	<b>18</b>	<b>252</b>	<b>4,275</b>	<b>18,161,952</b>

Sumber: KO-NELAYAN Master Plan, Ogos 1985. Kota Kinabalu, 1985.

Pada masa kini, usaha membangunkan industri perikanan di Negeri Sabah diletakkan di bawah tanggungjawab Kementerian Pertanian dan Industri Makanan Sabah. Antara fungsi utama kementerian ini termasuklah meningkatkan produktiviti pertanian dan perikanan melalui penggunaan sumber-sumber dengan effisyen, menggalakkan pengeluaran mekanan untuk keperluan eksport kebangsaan dan mempelbagaikan pengeluaran dan pemprosesan hasil-hasil pertanian, perikanan dan penternakan.

Melalui fungsi ekonomi pula, Kerajaan Negeri Sabah melalui Jabatan Perikanan juga telah menubuhkan beberapa buah agensi perikanan seperti Syarikat Perikanan Jayadiri, ANGKASA Sdn. Bhd., KO-NELAYAN dan SAFMA Sdn. Bhd. yang dilengkapi dengan perbagai kemudahan dan teknologi terkini untuk menguruskendalikan aktiviti pendaratan, pemprosesan dan pemasaran produk-produk berasaskan perikanan bagi pihak Kerajaan Negeri Sabah. Dalam erti kaya yang

lain, polisi pembangunan industri perikanan di bawah pentadbiran Kerajaan Negeri Sabah tidak lagi dijadikan sebagai "ekonomi pinggir" <sup>12</sup> tetapi sama pentingnya dengan sektor-sektor ekonomi yang lain.

Pada tahun 1972, Kerajaan Negeri Sabah melalui Rancangan Malaysia Kedua [1970-1975] telah menubuhkan Syarikat Kerjasama Perikanan Jayadiri bertujuan untuk membantu nelayan-nelayan bumiputera di Pulau Labuan, Kudat dan Kota Belud dalam industri penangkapan udang termasuklah dari segi pengendalian kilang air batu, bilik sejuk, kilang pemprosesan dan juga pemasaran udang beku. Dalam jangkamasa tersebut, empat buah kilang pemprosesan udang yang baru telah dibuka sebagai tambahan kepada tujuh buah kilang pemprosesan udang yang sedia ada. Pada masa yang sama, jumlah pendaratan udang juga telah mencatatkan peningkatan iaitu daripada 2,862 tan pada tahun 1970 kepada 3,475 tan pada tahun 1975. <sup>13</sup>

Usaha membangunkan industri perikanan di Negeri Sabah tidak hanya terhenti dalam agenda Rancangan Malaysia Kedua: 1970-1975 tetapi juga telah diteruskan dan dipergiatkan lagi dalam Rancangan Malaysia Kedua yang menumpukan kepada komoditi udang, agenda pembangunan industri perikanan dalam Rancangan Malaysia Ketiga juga telah memfokuskan kepada komoditi rumpai laut [seaweed] dan perikanan laut dalam selain daripada komoditi udang sebagai teras pembangunan industri hiliran di Negeri Sabah.

Untuk memantapkan lagi agenda pembangunan industri perikanan, Kerajaan Negeri Sabah juga telah menubuhkan KO-NELAYAN pada tahun 1980 yang mempunyai beberapa buah kompleks perikanan seperti Kompleks Perikanan Kudat yang bernilai RM3,612,854, Kompleks Perikanan Semnorna [RM1,814,199], Kompleks Perikanan Lahad Datu [RM4,276,423], Kompleks Perikanan Kuala Penyu [RM887,920], Kompleks Perikanan Sipitang [RM232,800], Kompleks Perikanan Papar [RM733,487], Pusat pemasaran Perikanan Keningau [RM290,237] dan Kompleks pemasaran Perikanan Kota Marudu yang bernilai RM293,707. KO-NELAYAN juga telah mengambilalih ANGKASA dari SEDCO yang mempunyai kompleks perikanan di Sandakan dan Kudat.

Selain dari itu, KO-NELAYAN juga telah menubuhkan anak syarikatnya iaitu SAFMA [Sabah Fish Marketing Sdn. Bhd.] yang diperbadankan pada tahun 1982 yang dibiayai sepenuhnya melalui pinjaman Asia Development Bank berjumlah US11.7 juta dan tabung kerajaan negeri Sabah berjumlah RM19.5 juta yang bertanggungjawab memasarkan hasil tangkapan nelayan termasuk menyediakan kemudahan pendaratan, bilik sejuk, kilang air batu, minyak diesel dan lain-lain lagi. Jadual 9 menunjukkan senarai fungsi dan bidang tugas antara Jabatan Perikanan Sabah, KO-NELAYAN, Syarikat Perikanan Jayadiri dan SAFMA dalam pembangunan industri perikanan di Negeri Sabah.

## **PENCAPAIAN KERAJAAN DAN AGENSINYA DALAM INDUSTRI PERIKANAN**

Berdasarkan kepada kajian mendapati bahawa kejayaan pembangunan industri

**Jadual 9: Fungsi dan Bidang Tugas Jabatan Perikanan Sabah, KO-NELAYAN, Syarikat Perikanan Jaya diri dan SAFMA**

Fungsi/Peranan	Jabatan Perikanan Sabah	KO-NELAYAN	Syarikat Perikanan Jaya diri dan SAFMA
Penguatkuasaan dan perundangan	Ya	Tidak	Tidak
Penyelidikan dan pembangunan (R&D)	Ya	Tidak	Tidak
Perluasan dan latihan	Ya	Ya	Tidak
Program subsidi	Ya	Ya	Tidak
Pemasaran	Tidak	Tidak	Ya

Sumber: Hajjah Norasma Dacho, Ryner Datuk Stuel and Alvin Wong Tsun Vui, 1999. "Marketing and Export of Marine-Based Product", *Seminar on Enhancing Indigenous Capabilities in the Maerin-Based Food Industry* anjuran Institut Kajian Pembangunan Sabah, Marco Polo Hotel, Tawau, 29-30 Jun.

perikanan sepertimana yang ditunjukkan dalam Buku Laporan Tahunan Perikanan yang di keluarakan oleh Jabatan Perikanan Sabah bukanlah disumbangkan oleh Kerajaan Negeri Sabah dan agensinya. Secara realitinya, peningkatan dalam petunjuk-petunjuk ekonomi tersebut sebenarnya adalah menggambarkan kejayaan yang dicapai oleh syarikat-syarikat persendirian. Dalam erti kata lain, matlamat pihak Kerajaan Negeri Sabah dan agensinya untuk memperbaiki taraf sosio-ekonomi nelayan dan menjadikan industri perikanan sebagai sebahagian daripada sumber pendapatan telah menemui kegagalan.

Berdasarkan kepada perbandingan antara data-data perikanan yang dikeluarkan oleh Jabatan Perikanan Sabah dengan pencapaian sebenar kerajaan dalam industri perikanan menunjukkan bahawa Kerajaan Negeri Sabah secara realitinya masih lagi gagal mencapai fungsi social dan ekonomi walaupun telah mencapai kemerdekaan selama 40 tahun dalam Persekutuan Malaysia. Kajian yang dijalankan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia [Cawangan Sabah], Institut Kajian Pembangunan Sabah [IDS] dan KO-NELAYAN melalui Banci KO-NELAYAN 1982-1991 mendapati bahawa taraf sosio-ekonomi komuniti nelayan tempatan masih lagi tidak memuaskan iaitu mempunyai purata pendaftaran bulanan kurang daripada RM 350.00 sebulan.<sup>14</sup>

Selain dari itu, pelaburan berjuta-juta ringgit oleh kerajaan untuk menubuhkan Syarikat Perikanan Jayadiri, KO-NELAYAN, ANGKASA Sdn. Bhd. Dan SAFMA juga tidak membuahkan hasil sepertimana yang diharapkan. Ini menyebabkan Kerajaan Negeri Sabah terpaksa mengambil tindakan seperti menutup Syarikat Perikanan Jayadiri dan ANGKASA Sdn. Bhd pada tahun 80-an. Selain dari itu, Kerajaan Negeri Sabah juga telah mengambil langkah menstrukturkan semula pentadbiran KO-NELAYAN termasuk menutup dan memperkecilkan operasi kilang-kilang milik KO-NELAYAN di seluruh Negeri Sabah untuk mengurangkan beban kewangan yang terpaksa ditanggung oleh kerajaan. Untuk memastikan pemasaran produk-produk berasaskan perikanan berjalan dengan lancar, Kerajaan Negeri

Sabah telah menubuhkan Syarikat Kerjasama Perikanan Jayadiri dan ANGKASA Sdn.Bhd untuk menguruskendalikan semua urusan yang berkaitan dengan pemprosesan dan pemasaran produk-produk perikanan bagi pihak Kerajaan Negeri Sabah.

Oleh yang demikian, pada tahun 1981 Kerajaan Negeri Sabah terpaksa menutup Syarikat Kerjasama Perikanan Jayadiri dan ANGKASA akibat kerugian besar yang dialami yang berpunca daripada sistem pengurusan yang kurang efisien, gagal bersaing dengan syarikat-syarikat swasta, produk-produk yang dihasilkan tidak kompetitif mengikut permintaan dan pasaran semasa dan lain-lain lagi. Untuk menyelesaikan permasalahan tersebut, Kerajaan Negeri Sabah telah menubuhkan SAFMA [Sabah Fish Marketing Sdn.Bhd.] pada tahun 1982 untuk menyambung semula urusan pemprosesan dan pemasaran produk-produk perikanan bagi pihak Kerajaan Negeri Sabah.

### **PERMASALAHAN DAN CABARAN**

Walaupun industri perikanan digambarkan sebagai sebuah industri yang menguntungkan dan berpotensi untuk dibangunkan secara komersil, namun satu hakikat yang harus diterima umum ialah industri tersebut juga mempunyai dilemanya yang tersendiri. Walaupun Kerajaan Negeri Sabah dan agensinya telah melibatkan dirinya selama 40 tahun dalam industri perikanan namun satu persoalan di sini ialah sejauhmanakah Kerajaan Negeri Sabah dan agensinya benar-benar berjaya mencapai matlamatnya untuk membangunkan taraf sosio-ekonomi komuniti nelayan dan menjana kepada Kerajaan Negeri Sabah.

Berdasarkan kepada kajian yang dijalankan mendapati bahawa Kerajaan Negeri Sabah dan agensinya sentiasa berhadapan dengan pelbagai isu dan cabaran untuk mencapai matlamatnya. Antara beberapa isu dan cabaran yang dihadapi oleh Negeri Sabah dan agensinya dalam pembangunan industri perikanan setelah mencapai kemerdekaan termasuklah penyalahgunaan skim bantuan subsidi kerajaan oleh nelayan, persaingan dengan syarikat-syarikat persendirian, pergantungan kepada produk-produk segar-dingin dan beku sahaja, penggunaan bahan letupan [bom ikan], sikap dan mentality makan gaji kakitangan agensi-agensi kerajaan, pengeksploitasian sumber marin yang berlebihan dan sebagainya.

### **Nelayan Sebenar di Negeri Sabah**

Sepertimana yang telah diperjelaskan sebelum ini bahawa salah satu matlamat utama pembangunan industri perikanan oleh Kerajaan Negeri Sabah dan agensinya ialah untuk memperbaiki taraf sosio-ekonomi komuniti nelayan tempatan di Negeri Sabah. Atas maksud tersebut Kerajaan Negeri Sabah melalui agensinya seperti Jabatan Perikanan Sabah dan KO-NELAYAN telah menyediakan pelbagai skim dan bantuan untuk disalurkan kepada komuniti nelayan tempatan di Negeri Sabah. Satu persoalan yang timbul di sini ialah adakah penduduk tempatan yang terlibat dalam industri perikanan benar-benar layak bergelar "nelayan" dalam erti kata yang sebenar. Berdasarkan kepada kajian yang dijalankan mendapati bahawa kebanyakan



penduduk tempatan tidak benar-benar menjadikan aktiviti penangkapan ikan sebagai mata pencarian yang tetap.<sup>15</sup>

Dalam erti kata yang lain, gelaran “nelayan” yang sebenar dan menyumbang kepada pembangunan industri perikanan di Negeri Sabah adalah lebih cocok diberikan kepada penduduk bukan tempatan samada yang berasal dari Filipina atau Indonesia. Apa yang lebih mendukacitakan lagi ialah apabila generasi muda nelayan mula menganggap pekerjaan sebagai nelayan atau buruh hanya sesuai untuk pendatang asing sahaja. Ini dapat difahami apabila hampir 95% daripada nelayan termasuk yang menjadi buruh kepada pemilik bot di Negeri Sabah adalah terdiri daripada nelayan berbangsa Suluk, Obian, Bajau Laut dan Tator.

### **Penyalahgunaan Skim Bantuan Subsidi oleh Nelayan**

Walaupun Kerajaan Negeri Sabah telah mengeluarkan perbelanjaan yang besar untuk membekalkan kemudahan injin sangkut, bot gentian kaca, pukot dan lain-lain perkakas menangkap ikan, usaha-usaha tersebut masih lagi gagal meningkatkan taraf sosio-ekonomi komuniti nelayan tempatan di negeri ini. Apa yang berlaku ialah kebanyakan nelayan tempatan telah menyalahgunakan skim bantuan tersebut seperti menjual atau menyewakan perkakas menangkap ikan kepada nelayan-nelayan asing yang tidak layak menerima bantuan kerajaan dan akhirnya hanya melahirkan “Nelayan Subsidi” sahaja. Oleh yang demikian, tidak hairanlah mengapa kebanyakan komuniti nelayan tempatan di negeri ini terus dibelengu masalah kemiskinan walaupun Negeri Sabah telah menghentikan program tersebut dan menggantikannya dengan skim “Sewa-Beli”, “Skim Pinjaman” dan lain-lain lagi.

### **Persaingan dengan Syarikat-Syarikat Persendirian**

Pembangunan industri perikanan di Negeri Sabah selepas tahun 1963 juga memperlihatkan persainagn antara pihak kerajaan dengan syarikat-syarikat persendirian yang telah lama berkecimpung dalam industri tersebut iaitu sebelum tahun 1963 lagi. Ini secara langsung telah menyukarkan usaha agensi-agensi kerajaan untuk memecahkan monopoli syarikat-syarikat persendirian yang rata-ratanya telah lama menguasai industri perikanan. Jadual 10 menunjukkan senarai contoh syarikat persendirian yang bergiat aktif dalam industri perikanan mengikut daerah di Negeri Sabah. Sementara itu, Jadual 11 pula menunjukkan contoh-contoh pemborong produk-produk perikanan mengikut daerah dan produk di Negeri Sabah.

### **Pergantungan Kepada Produk Segar-Dingin dan Beku**

Pergantungan kepada produuk-produk segar dingin dan beku sahaja oleh KO-NELAYAN dan SAFMA dan mengutamakan pasaran antarabangsa juga dikenali sebagai antara faktor yang menyebabkan kegagalan agensi dan syarikat tersebut bersaing dalam industri perikanan pada masa kini. Ini dapat dibuktikan apabila KO-NELAYAN dan SAFMA hanya mengeksport produk-produk perikanan berasaskan segar-dingin dan beku sahaja yang mempunyai persaingan di pasaran antarabangsa. Oleh yang demikian, tidak hairanlah mengapa Negeri Sabah terpaksa mengimport

**Jadual 10: Contoh Nama-Nama Syarikat Persendirian Yang Terlibat dalam Industri Perikanan di Sabah**

Nama Syarikat	Daerah
Syarikat Perniagaan T.F.Wong	Kota Kinabalu
C.M. Yee	Kota Kinabalu
Hasil Pertama	Kota Kinabalu
North Borneo Fishing Co.	Sandakan
Tang Aik Sea Products Sdn. Bhd.	Sandakan
Britrade (Hai Kee) Sdn. Bhd.	Sandakan
Kudat Marine Products Sdn. Bhd.	Kudat
Fook Soon Bhd. Sdn.	Kudat
Kudat Sea Products.	Kudat
Seafari Interprise	Semporna
Yicks seafood Product	Semporna
Syarikat Major Pro Marine Products	Semporna
Heng Lee Trading	Tawau
Hwa Tat Trading	Tawau
Tawau Seafoods Sdn. Bhd	Tawau
Far East Seafood Trading	Lahad datu

Sumber: Senarai nama-nama syarikat persendirian yang terlibat dalam industri hiliran ini diperoleh hasil daripada penyelidikan yang dijalankan dan tambahan data-data daripada Jabatan Perikanan Sabah di Kota Kinabalu.

**Jadual 11: Contoh Nama-Nama Syarikat Pemborong Produk Perikanan di Negeri Sabah**

Bil	Nama Syarikat	Lokasi	Catatan
1.	C.M. Yee	Kota Kinabalu	Ikan dan ketam dalam bentuk dingin dan beku
2	Man Hing Enterprise	Sandakan	
3.	Yicks Seafood Products	Semporna	
4.	Keng Wa Trading	Tawau	
5.	Pangi Enterprise	Kunak	
6.	Jutafish Marketing sdn. Bhd.	Kota Kinabalu	Rumpai Laut
7.	Tacara Sdn. Bhd.	Tawau	
8.	Yrarikat Sim Seng Lee	Semporna	
9.	Pemborong Ikhlas	Tawau	Ikan Bilis
10.	Syarikat Heng Long	Sandakan	
11.	Hai Chuan Sea Products	Kota Kinabalu	Udang Kering
12.	Heng Lee Trading	Tawau	
13.	Hang Nga Trading	Sandakan	
14.	Hoi Soon Sea Products Enterprise	Tawau	Sirip Jerung
15.	Syarikat Perniagaan Hock Hin	Kota Kinabalu	
16.	New World Seagull Surimi Products Sdn. Bhd.	Kota Kinabalu	Surimi
17.	Heng Leong Fishing Products	Kota Kinabalu	Bebola Ikan
18.	Seafari Enterprise	Semporna	

Sumber: Senarai nama-nama syarikat pemborong produk-produk perikanan ini diperoleh hasil daripada penyelidikan yang dijalankan dan tambahan data-data daripada Jabatan Perikanan Sabah di Kota Kinabalu.

semula produk-produk perikanan dalam bentuk siap yang mudah dihasilkan samada dari Semenanjung Malaysia, Sarawak dan luar negara untuk keperluan sumber protein penduduk di negeri ini.

Walaupun pihak Kerajaan Negeri Sabah termasuk agensi-agensi persekutuan seperti MARDI dan FAMA menyedari akan potensi produk-produk siap untuk pasaran dalam negeri ini, namun tiada tindakan semerta yang diambil untuk merebut peluang tersebut. Walaupun terdapat beberapa penghasilan produk separa siap dan siap sepenuhnya seperti belancan, cencaluk, patis, udang kering, ikan masin, ikan kering, ikan bilis dan sebagainya namun produk-produk tersebut gagal memasuki pasaran kerana teknologi pembungkusannya tidak mematuhi piawaian yang telah ditetapkan. Oleh yang demikian, tidak hairanlah mengapa penduduk di negeri ini terpaksa mengunjungi pasar tamu dan pasar terbuka untuk mendapatkan produk-produk tersebut.

### **Sikap dan Mentaliti Makan Gaji**

Berdasarkan kepada kajian juga turut mendapati bahawa kegagalan agensi-agensi kerajaan seperti KO-NELAYAN dan SAFMA untuk berjaya dalam industri perikanan juga turut dipengaruhi oleh sikap dan mentality "makan gaji" kakitangannya. Ini berbeza dengan sikap dan mentality kakitangan yang berkhidmat di syarikat-syarikat swasta yang pendapatan bulanan mereka dipengaruhi oleh prestasi syarikat. Keadaan ini diperburukan lagi apabila hala tuju pentadbiran dan pengurusan agensi-agensi kerajaan yang telah dinyatakan sebelum ini turut dipengaruhi oleh percaturan politik sendiri.

### **Penggunaan Bahan Letupan**

Penggunaan bahan letupan atau lebih dikenali sebagai "bom ikan"<sup>16</sup> sebagai jalan mudah untuk menangkap ikan merupakan antara permasalahan utama dan begitu sukar untuk dibendung oleh Kerajaan Negeri Sabah pada masa kini.<sup>17</sup> Aktiviti pengeboman ikan di kawasan perairan di Negeri Sabah bukan sahaja menjejaskan sumber ikan dan batu karang tetapi juga industri pelancongan dan juga membahayakan nyawa nelayan sendiri dan pekerja di kawasan pelantar minyak milik Petronas Carigali Wilayah Sabah Sdn.Bhd. dan Sabah Shell Sdn.Bhd. Walaupun pihak Kerajaan Negeri Sabah melalui "The Sabah State Security Committee[SSSC]" telah memberi mandat kepada Pasukan Petugas Khas Persekutuan bagi Sabah dan Labuan untuk membentaras kegiatan tersebut, namun aktiviti pengeboman dan pemasaran ikan bom masih lagi berleluasa.

Antara tahun 1990-1999, sebanyak 816 kes telah dilaporkan dan menyaksikan seramai 414 orang nelayan telah ditangkap dan dikenakan kompaun berjumlah RM 28,000.00 di bawah Seksyen 26 [1], Akta Perikanan 1985. Daripada jumlah tersebut, daerah Kota Kinabalu telah mencatatkan kes tertinggi iaitu 323 kes dan diikuti oleh daerah Sandakan [247], Tawau [124], Kunak [28], Kudat [28] dan Lahad Datu sebanyak 17 kes.<sup>18</sup> Pada masa yang sama beberapa tindakan pencegahan yang diambil oleh Jabatan Perikanan Sabah juga telah mencetuskan

kontroversi seperti tindakan mengharamkan penangkapan, penjualan dan pembelian sulit [*caesio spp.*] dan ikan anjang-anjang [*petrocaesio spp.*] yang didakwa ditangkap menggunakan bom ikan<sup>19</sup> dan menyalahkan pembeli seperti yang disiarkan dalam akhbar Daily Ekpress bertajuk “Consumers Should Be Made Punishable”.<sup>20</sup>

Selain daripada permasalahan-permasalahan yang telah diperjelaskan di atas terdapat juga pelbagai masalah lain yang dihadapi oleh Kerajaan Negeri Sabah dan agensinya seperti kekurangan bekalan bahan mentah untuk diproses di kilang-kilang pemprosesan milik KO-NELAYAN dan SAFMA, ketidakstabilan harga produk dan persaingan di pasaran dunia, peraturan US FDA HACCP [Hazard Analysis Critical Control] yang ketat oleh negara pengimport, permintaan domestik yang rendah terhadap produk-produk segar-digin dan beku, pergantungan kepada buruh-buruh asing dan lain-lain lagi.

## **RUMUSAN**

Sepertimana yang diperjelaskan terdahulu, kajian ini bertujuan untuk menilai kembali penglibatan dan pencapaian Kerajaan Negeri Sabah dan agensinya setelah berkecimpung dalam industri tersebut selama kira-kira 40 tahun. Pada yang sama kerajaan ini juga akan mengenalpasti beberapa permasalahan yang di hadapi oleh Kerajaan dan agensinya dalam membangunkan industri tersebut. Secara keseluruhannya, dapatlah dirumuskan di sini bahawa dari segi fakta diperakui bahawa industri perikanan di Negeri Sabah telah membangun dan berkembang pesat iaitu setaraf dengan industri perikanan di negeri-negeri lain dalam Persekutuan Malaysia. Walaubagaimanapun istilah pembangunan tersebut dari segi realitinya adalah disumbangkan dan dimiliki oleh syarikat-syarikat swasta dan bukannya oleh Kerajaan Negeri Sabah dan agensi-agensinya.

Dalam erti kata lain, hasrat kerajaan untuk melihat agensi-agensinya berjaya dan menyumbangkan pendapatan kepada Negeri Sabah sepertimana yang pernah dibuktikan oleh Kesultanan Sulu pada abad ke 18 tidak kesampaian. Kerugian yang dialami oleh KO-NELAYAN dan SAFMA telah menyebabkan Kerajaan Negeri Sabah terpaksa menyuntik modal dan mengorganisasi semula pengurusan dan pentadbiran agensi-agensi tersebut dari masa ke semasa. Untuk menjaga kepentingan industri perikanan di Negeri Sabah, pihak kerajaan melalui Jabatan Perikanan Sabah hanya bertindak sebagai pentadbir dan “fasilitator” sahaja kepada syarikat-syarikat swasta yang menyumbangkan pendapatan kepada kerajaan dalam bentuk cukai, royalti, lesen dan sebagainya.

Pada masa kini, matlamat kerajaan Negeri Sabah dalam pembangunan industri perikanan hanya meneruskan usaha untuk membantu mempertingkatkan taraf sosio-ekonomi komuniti nelayan seperti memberikan khidmat nasihat, membekalkan benih ikan dan rumpai laut, kursus dan latihan kepada nelayan dan lain-lain. Sebagai kesimpulannya, pihak kerajaan Negeri Sabah dan agensinya hendaklah mengkaji dan mencari jalan terbaik untuk mengatasi segala kelemahan yang dihadapi dan menyumbangkan pendapatan kepada Kerajaan Negeri Sabah seperti memberi tumpuan kepada pembangunan industri hiliran untuk pasaran

domestik dan aktiviti pelancongan berkonsepkan agro-tourism.

## NOTAHUJUNG

1 Kertas ini telah dibentangkan di Seminar Pembinaan Nasional yang bertemakan “40 Tahun Sabah dalam Malaysia” anjuran Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa, Universiti Malaysia Sabah, Kota Kinabalu, 29-30 Ogos 2003.

2 Tun Fuad Stephen yang mewakili lima parti politik utama di Negeri Sabah iaitu United Sabah National Organisation [USNO], The United Party, The Democracy Party and The National Pasok Momugun Organisation dan Inter-Government Committee [I.G.C] telah bersetuju menyertai penubuhan Malaysia yang diilhamkan oleh Tunku Abdul Rahman berdasarkan kepada “Memorandum 20 Perkara”.

3 Untuk penjelasan lanjut berhubung industri perikanan di bawah pemerintahan Keslutanan Sulu, sila lihat Mohammad Raduan Mohd. Ariff, 1992. *Dari Pemungutan Tripang hingga Ke Penundaan Undang: Satu Kajian Mengenai Sejarah Perusahaan Perikanan di Borneo Utara*, Universiti Malaya. Juga lihat, J.F. Warren. 1981. *The Sulu Zone 1768-1898: The Dynamics of External Trade, Slavery and Ethnicity in the Transformation of a Southeast Asian Maritime State*, Singapore University press, Singapore.

4 Data-data disusun semula daripada Laporan Tahunan Perikanan Negeri Sabah, Jabatan Perikanan Sabah, Kota Kinabalu bermula dari tahun 1963-2000.

5 Ryner Stuel Galid, “Status of Fisheries Development in Sabah”, Department of Fisheries Sabah, Kota Kinabalu, hal 3.

6 Hajjah Norasma Dacho, Rayner Datuk Stuel Galid and Wong Tsun Vui, 1999. “Marketing and Export of Marine based Food Products” Seminar in Enhancing Indigenous Capabilities in the Marine-Based Food Industry anjuran Institut Kajian Pembangunan Sabah, Marco Polo Hotel, Tawau, 29-30 June.

8 untuk penjelasan lanjut sila lihat, Laporan Tahunan Jabatan Perikanan Sabah, Kota Kinabalu, 1975. Juga lihat, Sabah Government, 1984. *Sabah Fisherman and their Economy: A Socio-Economic Study*. KO-NELAYAN, Kota Kinabalu, Sabah.

9 Berdasarkan kepada kajian yang dijalankan oleh KO-NELAYAN mendapati bahawa kebanyakan nelayan yang menerima bantuan sahaja. Selain dari itu, kajian yang dijalankan oleh KO-NELAYAN juga mendapati bahawa terdapat segelintir nelayan yang telah menjual bantuan yang diberikan oleh kerajaan kepada orang lain dengan harga yang murah.

10 KO-NELAYAN pada asalnya ditubuhkan sebagai sebuah “Cooperative Society” dan didaftarkan di bawah Cooperative Society Ordinance 1958 yang dikenali sebagai Korporasi Serbaguna Nelayan Sabah. Untuk penjelasan lanjut berhubung penubuhan KO-NELAYAN [Korporasi Kemajuan Perikanan dan Nelayan Sabah]. Sila lihat, KO-NELAYAN Master Plan, Ogos, 1985, hal. 1.

11 Untuk penjelasan terperinci berhubung tujuan, objektif, golongan sasaran, bentuk peralatan dan jumlah yang diluluskan untuk skim bantuan pinjaman dan subsidi dan skim sewa beli. Sila lihat, KO-NELAYAN Master Plan, Ogos, 1985.

12 Semasa pentadbiran British North Borneo Chartered Company [1881-1941] dan Kerajaan British [1946-1963], industri perikanan hanya dilihat sebagai ekonomi pinggir sahaja oleh pihak pemerintah dan tidak dilihat sama pentingnya dengan ekonomi berasaskan daratan.

13 Peter Spence Gudgeon, 1981. "Economic Development in Sabah 1881-1981" dalam *Commemorative History of Sabah 1881-1981*, Sabah State Government, hal. 295.

14 Untuk penjelasan lanjut berhubung taraf sosio-ekonomi komuniti nelayan di Negeri Sabah, sila lihat Mohd Yaakub Haji Johari, Chang Shui dan Mary Sintoh, 1994. *Komuniti Nelayan : Cabaran, Harapan dan Masa Depan*. Institut Kajian Pembangunan [Sabah] dan Yayasan Konrad Adenauer, Kota Kinabalu. Juga lihat KO-NELAYAN, 1982 KO-NELAYAN, 1982. *Sabah Fisherman and Their Economy-A Socio- Economic Study*, Kota Kinabalu.

15 Berdasarkan kepada pemerhatian yang dijalankan oleh pengkaji mendapati kebanyakan daripada nelayan tempatan pada masa kini adalah terdiri daripada generasi lama yang sudah tidak begitu produktif dari segi ekonomi dan hanya turun ke laut mengikut keperluan sahaja. Bagi generasi muda pula lebih gemar mencari pekerjaan di sector kerajaan dan swasta atau sekurang-kurangnya menjadi pemodal dan pemborong ikan sahaja.

16 Dalam bahasa Suluk, istilah "bom ikan" juga dikenali sebagai "timbang ista".

17 Sejarah penggunaan bom ikan di kawasan perairan Negeri Sabah telah bermula pada tahun 1970-an lagi iaitu semasa pentadbiran Tun Datu Mustapha bin Datu Harun yang menyaksikan kemasukan beramai-ramai pendatang Filipina yang berasal dari selatan kepulauan Filipina dan membawa masuk bersamanya teknologi bom ikan ke negeri ini.

18 Untuk penjelasan lanjut berhubung kes penggunaan bom ikan di Negeri Sabah, sila lihat "Bilangan Kes Ikan Bom di Sabah, Seksyen 26 [1], *Akta Perikanan 1985*" yang dikeluarkan oleh Jabatan Perikanan Sabah, Kota Kinabalu.

19 Daily Ekpress, 19 Oktober 2000.

20 Daily Ekpress, 1 Oktober 2000.

## RUJUKAN

Edward Rooney Busing, 1995, "Status of the Coastal Fisheries Resources of Sabah, Malaysia". *Prosiding*. Seminar on Sustainable Development of Fisheries Resources in Malaysia, anjuran Konrad Adenauer Foundation dan Institute for Development Studies [Sabah], Kota Kinabalu, 12-13 September.

Mohamma Raduan Mohd. Ariff, 1992. *Dari Pemungutan Tripang Kepada Penundaan Undang: Satu Kajian Mengenai Sejarah Perusahaan Perikanan di Borneo Utara*,

Universiti Malaya. Juga lihat, J.F Warren. 1981. *The Sulu Zone 1768-1898: The Dynamics of External Trade, Slavery and Ethnicity in the Transformation of a Southeast Asia Maritime State*, Singapore University Press, Singapore.

*Laporan Tahunan Perikanan Negeri Sabah 1963-2000*. Jabatan Perikanan Sabah, Kota Kinabalu.

Hajjah Norasma Dacho, Rayner Datuk Stuel Galid and Wong Tsun Vui, 1999. "Marketing and Exsport of Marine based Food Product". Seminar on Enhancing Indigenous Capabilities in the Marine-Based Food Industry anjuran Institut Kajian Pembangunan Sabah, Marco Polo Hotel, Tawau, 29-30 June.

*KO-NELAYAN Master Plan*, 1985. Korporasi Kemajaun Perikanan dan Nelayan Sabah, Kota Kinabalu.85.

Peter Spence Gudgeon, 1981. "Economic Development in Sabah 1881-1981" dalam *Commemorative History of Sabah 1881-1981*, Sabah State Government, Kota Kinabalu.

Mohd. Yaakub Haji Johari, Chang Shui Kiong dan Mary Sintoh, 1994. *Komuniti Nelayan : Cabaran, Harapan dan Masa Depan*. Institut Kajian Pembangunan [Sabah] dan Yayasan Konrad Adenauer, Kota Kinabalu.

*KO-NELAYAN*, 1982. "Sabah Fisherman and Their Economy –A Socio-Economic Study", Kota Kinabalu.

*Jabatan Perikanan Sabah*, 1985. "Bilangan Kes Ikan Bom di Sabah, Seksyen 26 [1], Akta Perikanan 1985", Kota Kinabalu.

Daily Express, 19 Oktober 2000

Daily Express, 1 Oktober 2000